



PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN
Housing Development Corporation

NOTIS JAWATAN KOSONG

Rujukan : HDC/S/713/Jld.8
Bil : 1/2024

Perbadanan Pembangunan Perumahan dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan kosong bertaraf **Tetap dan Berpencen** seperti berikut di:

- Ibu Pejabat (HQ) HDC, Kuching
- Pejabat Wilayah Kawasan Utara (PWKU), Miri
- Pejabat Tapak Bina (PTB), Bintulu

Keutamaan adalah diberikan kepada calon-calon yang tinggal di bahagian atau kawasan berdekatan dengan penempatan kekosongan jawatan-jawatan yang dijadualkan seperti di bawah:

NO.	JAWATAN	GRED	PENEMPATAN & JUMLAH KEKOSONGAN	JADUAL GAJI (RM)	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Jurutera Awam	J41	Miri (1)	2,529.00	9,643.00
2.	Akauntan	WA41	Kuching (1)	2,820.00	9,585.00
3.	Pegawai Penyelidik	Q41	Kuching (1)	2,315.00	9,618.00
4.	Pegawai Tadbir	N41	Kuching (1)	2,080.00	9,546.00
5.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Bintulu (1)	1,493.00	5,672.00
6.	Pelukis Pelan	JA19	Miri (1)	1,377.00	4,052.00
7.	Pembantu Tadbir	N19	Kuching (4)	1,352.00	4,003.00
8.	Pembantu Awam	H11	Kuching (2), Bintulu (1)	1,218.00	2,939.00

1. JURUTERA AWAM (KEJURUTERAAN AWAM) J41

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,529.00).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Jurutera, Gred J41, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Deskripsi Tugas

Menyediakan plan kualiti bagi pelaksanaan projek, lawatan dan pemeriksaan tapak projek. Menyediakan laporan bulanan projek dan memastikan setiap peraturan dan prosedur kerja adalah sentiasa dipatuhi.

Bertanggungjawab sebagai penyelia pejabat wilayah dan menghadiri serta menganjurkan mesyuarat berkaitan tugas. Sentiasa memastikan mutu kerja di pejabat dan tapak projek sentiasa menepati piawaian serta memberi khidmat nasihat teknikal dalam menyelesaikan sebarang tugas dan isu berkaitan.

2. AKAUNTAN WA41

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan: RM2,820.00); atau
- ii. Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan: RM2,820.00); atau
- iii. Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
(Gaji permulaan: RM2,820.00).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Akauntan, Gred WA41, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab mereka bentuk, membangun dan melaksanakan sistem perakaunan kerajaan dengan baik. Memberi khidmat nasihat dan meluluskan sistem perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik. Memberi nasihat kepada pembuat keputusan berkaitan perakaunan dan kewangan. Menyediakan laporan kewangan bulanan dan bajet tahunan.

3. PEGAWAI PENYELIDIK Q41

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,315.00);
- ii. Ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,418.66); atau
- iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,522.44); atau
- iv. Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,730.00); atau
- v. Ijazah sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,833.78); atau
- vi. Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM3,145.11).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Penyelidik, Gred Q41, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugas

Menjalankan kerja-kerja penyelidikan pembangunan (R & D) dalam dalam bidang berkaitan pembinaan projek perumahan, pasaran dan yang berkaitan. Menjalankan penyelidikan asas dan gunaan, khidmat nasihat kepakaran, menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan teknologi berkaitan dalam negara. Melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai jaminan kualiti, penyelidikan dalam tugas berkaitan

4. PEGAWAI TADBIR N41

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calun bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,080.00); atau
- ii. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,283.43)

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir, Gred N41, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugas

Memberi khidmat pakar runding terhadap sistem kerja serta pengurusan kakitangan. Bertanggungjawab mengurus, merancang mentadbir, memantau dan menyelaras semua urusan agenda transformasi HDC selaras dengan keperluan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

5. PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calun bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan: RM1,493.00); atau
- ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan: RM1,493.00); atau
- iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM1,770.95).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugas

Di antara tugas-tugasnya ialah bertanggungjawab mencetak pelan bangunan untuk pembeli membuat pinjaman, membantu dalam merekod dan menyimpan sijil menduduki (OP), membuat lawatan tapak projek dari semasa ke semasa, membuat surat untuk pengesahan lot rumah, memeriksa dan penyerahan kunci kepada pembeli rumah dan menyediakan notis mesyuarat tapak kepada pihak perunding/pihak kontraktor untuk projek-projek HDC.

6. PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) JA19

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan: RM1,377.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji permulaan:RM1,435.12); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM1,493.24).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pelukis Pelan, Gred JA19, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan tugas

Di antara tugas-tugasnya ialah bertanggungjawab mencetak pelan bangunan untuk pembeli membuat pinjaman, membantu dalam merekod dan menyimpan sijil menduduki (OP), membuat lawatan tapak projek dari semasa ke semasa, membuat surat untuk pengesahan lot rumah, memeriksa dan penyerahan kunci kepada pembeli rumah dan menyediakan notis mesyuarat tapak kepada pihak perunding/pihak kontraktor untuk projek-projek HDC.

7. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN & OPERASI) N19

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (Gaji permulaan: RM1,352.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM1,408.40); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM1,464.80).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 adalah tertakluk di bawah Skim Perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

8. PEMBANTU AWAM H11

a) Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan: RM1,218.00).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Malaysia

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

c) Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Awam, Gred H11, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

d) Ringkasan Tugasan

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

CARA MEMOHON

- a) Semua pemohon hendaklah mengemukakan permohonan **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** melalui laman web Perbadanan Pembangunan Perumahan di alamat <https://hdc.sarawak.gov.my/>
- b) Selain itu, semua pemohon juga dikehendaki menghantar **SATU SALINAN DOKUMEN (HARDCOPY)** seperti berikut:-
 - i. Salinan Resume berserta *Cover Letter*;
 - ii. Sekeping gambar berukuran *passport*;
 - iii. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan;
 - iv. Salinan Sijil Lahir yang telah disahkan;
 - v. Salinan Sijil Akademik yang telah disahkan; dan
 - vi. Salinan Sijil-sijil lain dan dokumen berkaitan yang telah disahkan.

Salinan dokumen tersebut hendaklah DIHANTAR kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (HDC)
WISMA SULTAN TENGAH, JALAN SUKMA
PETRA JAYA, 93730 KUCHING, SARAWAK**

(U.P: SEKSYEN SUMBER MANUSIA)

Sila pastikan **NAMA JAWATAN YANG DIMOHON**, diikuti di dalam kurungan **NAMA PEMOHON** ditulis di sebelah sudut kanan sampul surat permohonan ini. **Contoh: "Pegawai Tadbir N41 (Mohd Ali bin Omar)"**.

- c) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga;
- d) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temuduga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon;
- e) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya;
- f) Permohonan daripada pegawai-pegawai kerajaan, Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama Salinan Penyata Perkhidmatan, Laporan Penilaian Prestasi (3 tahun terakhir) dan Laporan Sulit daripada majikan;
- g) Penempatan calon adalah tertakluk kepada keperluan dan perubahan dari semasa ke semasa; dan
- h) Permohonan akan **dibuka bermula** pada **22 Januari 2024 (12:00 tengahari)**. Tarikh **tutup permohonan** adalah pada **05 Februari 2024 (5:00 petang)**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.